

U B538 DEB
MAHATHIR - ASAS

(I)

KUCHING, 10 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA RAKYAT MALAYSIA YANG CINTAKAN KEAMANAN DAN BERSEDIA BEKERJA KERAS SEBENARNYA MENGUNTUNGGKAN NEGARA.

+KITA HENDAKLAH MENGHARGAI NILAI-NILAI INI KERANA IA ADALAH ASAS KE ARAH MENJADIKAN MALAYSIA NEGARA PERINDUSTRIAN PADA MASA AKAN DATANG,+ KATA PERDANA MENTERI PADA MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA ULANG TAHUN KE-25 PARTI KEBANGSAAN SARAWAK (SNAP) DI DEWAN SANTAPAN NEGERI DI BANGUNAN DEWAN UNDANGAN NEGERI PETRA JAYA DEKAT SINI MALAM INI.

YANG TURUT HADIR IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH, KETUA MENTERI DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB NAHMUD DAN DATIN PATINGGI HAJAH LAILA SERTA PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL.

PERDANA MENTERI YANG SEDANG DALAM LAWATAN RASMI DUA HARI KE SARAWAK BERKATA SEJAK MERDEKA, MALAYSIA TELAH MENCAPAI PEMBANGUNAN PESAT.

+HARINYA AKAN TIBA APABILA MALAYSIA BERDIRI MEGAH BERSAMA-SAMA DENGAN SESETENGAH NEGARA MAJU JIKA KITA SANGGUP BEKERJA KERAS DARI SEKARANG KE ARAH ITU,+ KATA BELIAU. -- LAGI
0005MST 11 04 86

U B539 DEB
MAHATHIR - ASAS 2 KUCHING

(I)

PERDANA MENTERI BERKATA TIDAK BANYAK NEGARA YANG MENCAPAI KEJAYAAN SEUMPAMA ITU DAN OLEH SEBAB ITU, RAKYAT MALAYSIA HENDAKLAH BERMEGAH APABILA MELIHAT NEGARA MAJU.

+KITA HENDAKLAH BEKERJA KERAS KE ARAH MENJADIKAN MALAYSIA NEGARA YANG MAJU.+

KATANYA, NEGARA YANG MEMPUNYAI BANYAK SUMBER KEKAYAAN SEKALI PUN TIDAK AKAN MENCAPAI BANYAK KEMAJUAN KECUALI RAKYATNYA HIDUP DALAM KEADAAN AMAN DAN BERSEDIA MENGEKSPLOITASIKAN KEKAYAAN ITU.

PERDANA MENTERI JUGA MENEGASKAN MENGENAI PERLUNYA PARTI-PARTI POLITIK DINEGARA INI MENGEKALKAN KERJASAMA DI KALANGAN MEREKA KE ARAH PENCAPAIAN MATLAMAT ITU.

BELIAU BERKATA HANYA DI MALAYSIA SAHAJA TERDAPAT BEBERAPA PARTI POLITIK YANG WALAUPUN +BERMUSUHAN+ TETAPI BEKERJASAMA ANTARA SATU SAMA LAIN DALAM BARISAN NASIONAL DEMI KEPENTINGAN NEGARA. -- LAGI
0007MST 11 04 86

U B540 DEB
MAHATHIR - ASAS 3 KUCHING

(I)

BELIAU SEBAGAI CONTOH MERUJUKI KEPADA PARTI RAKYAT BERSATU SARAWAK (SUPP) DAN SNAP YANG DULU MENJADI PARTI PEMBANGKANG TETAPI KINI MENJADI ANGGOTA BN DAN BEKERJASAMA KE ARAH KEMAKMURAN NEGARA.

+SELAGI KITA PERCAYA KEPADA KONSEP BN, SAYA YAKIN BAHAWA KITA (BN) AKAN TERUS HIDUP DEMI KEPENTINGAN RAKYAT DAN NEGARA,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEBAGAI PENERUSI BN, BELIAU MENYAMBUK BAIK IKHRAR PRESIDEN SNAP, DATUK AMAR JAMES WONG BAHAWA PARTI ITU AKAN TERUS BEKERJASAMA DENGAN BN. -- BERNAMA
0013MST 11 04 86